



MOD.100-2/1/2 Jld 7 () 03/11

**KESELAMATAN NEGARA MELANGKAUI SEMPADAN POLITIK DAN NEGERI: WARGA
TENTERA PERLU KEKAL FOKUS DAN PROFESIONAL**

1. **KOTA KINABALU, 16 November 2025** – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyempurnakan Karnival Hari Keluarga ATM di Stadium Pangkalan TLDM Kota Kinabalu Sepanggar, Sabah, hari ini.
2. Semasa berlangsung, lebih **4,300 anggota tentera bersama keluarga** hadir memenuhi perkarangan bagi menyertai **Karnival Hari ATM di Pangkalan TLDM Sepanggar** dan beramah mesra bersama YB Menteri Pertahanan (MENHAN). Pada masa yang sama, lebih **3,000 anggota tentera dan keluarga** turut berhimpun di **Kem Lok Kawi, Sabah**, bagi memeriahkan **Karnival Hari ATM** di Zon berkenaan. Kehadiran ini melengkapkan rangkaian sambutan termasuk **Zon Kota Belud** dengan penyertaan lebih **1,000 anggota tentera dan keluarga pada sehari sebelumnya**.
3. Program telah **berjalan serentak** di kedua-dua tempat dengan pelbagai aktiviti menarik merangkumi senamrobik, sukaneka, beberapa pertandingan acara sukan rakyat seperti Acara Tarik Tali, Permainan Gula-gula Dalam Tepung, Permainan Memancing Dalam Botol, dan Sukan Memanah.
4. Penganjuran Karnival Hari Keluarga ATM Negeri Sabah adalah penting bagi menjamin kebajikan dan kesejahteraan Warga Kerja Pertahanan (WKP) MINDEF, di samping mempertingkatkan sokongan berterusan WKP serta meningkatkan pemahaman masyarakat tentang peranan penting ATM dalam memelihara keamanan dan keselamatan negara.
5. YB MENHAN turut mengadakan **lawatan kerja ke kawasan Operasi BALASAH** bagi **melawat anggota tentera yang sedang bertugas dan melihat** dengan lebih dekat **keadaan kawasan di sempadan pedalaman Sabah**. Keberadaan tentera di kawasan berkenaan memainkan peranan penting dalam mempertahankan kedaulatan negara daripada sebarang aktiviti jenayah rentas sempadan selain menyumbang kepada sosioekonomi kawasan berkenaan.
6. Pendekatan strategik ini membolehkan MINDEF memperkukuh inisiatif WKP yang melibatkan prinsip **Pertahanan Menyeluruh (HANRUH)** juga menjadi tulang belakang kepada keharmonian masyarakat di mana konsep **Whole of Government and Society (WoGos)**.

7. Hadir bersama adalah Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Muhammad Hafizuddeain bin Jantan; Ketua Staf Markas ATM, Leftenan Jeneral Dato' Azhan bin Hj Md. Othman; Panglima Armada Timur, Laksamana Madya Dato' Khir Junaidi bin Idris dan seluruh warga tentera di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu dan Kem Lok Kawi, Sabah.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 16 November 2025